

**PEKELILING JABATAN PENDAFTAR
BILANGAN 5 TAHUN 2018**

**PELAKSANAAN KEBENARAN PULANG AWAL SATU JAM KEPADA PEGAWAI
WANITA MENGANDUNG**

[Telah diluluskan oleh Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti

Kali Ke-63 (Bil. 4/2018) pada 25 September 2018]

1.0 TUJUAN

Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk menjelaskan pelaksanaan kebenaran pulang awal satu (1) jam daripada masa bekerja biasa bagi pegawai wanita yang mengandung tujuh (7) bulan dan ke atas serta dipanjangkan kepada suami yang merupakan pegawai Perkhidmatan Awam dan bekerja di lokasi yang berdekatan.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Kerajaan sentiasa memberi perhatian terhadap pegawai wanita dalam Perkhidmatan Awam. Pada masa ini, pegawai wanita telah diberi kemudahan Cuti Bersalin dan Cuti Menjaga Anak. Selaras dengan keprihatinan berterusan terhadap pegawai wanita, Kerajaan telah bersetuju memperkenalkan satu lagi inisiatif iaitu memberi kebenaran pulang awal satu (1) jam kepada pegawai wanita yang mengandung tujuh bulan ke atas. Kemudahan ini diberi demi kebajikan dan keselamatan pegawai wanita.
- 2.2 Selain itu, kemudahan ini juga dipanjangkan kepada suami yang merupakan pegawai Perkhidmatan Awam dan bekerja di lokasi yang berdekatan yang pulang bersama isterinya bagi membolehkan suami membantu isteri semasa dalam perjalanan.

3.0 TAFSIRAN

3.1 Dalam Pekeliling Perkhidmatan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain-

"lokasi yang berdekatan" bermaksud tempat di mana suami dan isteri bekerja dalam satu bangunan atau kompleks atau kawasan; yang mana suami dan isteri tersebut menaiki kenderaan yang sama sepenuh/sebahagiannya untuk pulang dari tempat kerja; dan

"mengandung tujuh bulan ke atas" bermaksud usia kandungan kehamilan berusia 28 minggu dan ke atas.

4.0 PELAKSANAAN

4.1 Pelaksanaan umum kemudahan ini adalah seperti berikut:

4.1.1 Kemudahan ini diperuntukkan kepada semua pegawai Perkhidmatan Awam lantikan tetap dan kontrak (*contract of service*);

4.1.2 Pegawai wanita yang mengandung tujuh (7) bulan dan ke atas boleh dibenarkan menggunakan kemudahan ini;

4.1.3 Pegawai boleh dibenarkan menggunakan kemudahan ini pada bila-bila masa, bermula apabila pegawai wanita mengandung tujuh (7) bulan dan ke atas;

4.1.4 Kemudahan ini akan tamat sehari selepas tarikh akhir yang diluluskan atau pada tarikh mulanya Cuti Bersalin, mengikut mana yang terdahulu; dan

4.1.5 Penggunaan kemudahan ini adalah berdasarkan permohonan pegawai dan kelulusan Pendaftar. Borang permohonan adalah seperti di **Lampiran A** yang diisi sekali sahaja bagi setiap kehamilan. Borang ini perlu dikemukakan seminggu sebelum kemudahan ini hendak digunakan bagi melicinkan urusan pentadbiran.

- 4.2 Kemudahan ini dipanjangkan kepada **pegawai lelaki** tertakluk kepada syarat berikut:
- 4.2.1 pegawai lelaki berkeenaan pulang bersama-sama isterinya yang merupakan pegawai Perkhidmatan Awam yang mengandung tujuh (7) bulan dan ke atas; dan
 - 4.2.2 isteri pegawai telah diberi kelulusan oleh Pendaftar untuk menggunakan kemudahan ini dan pegawai hendaklah melengkapkan borang permohonan seperti di **Lampiran A**. Borang ini diisi sekali sahaja bagi setiap kehamilan isteri pegawai dan dikemukakan seminggu sebelum kemudahan ini hendak digunakan bagi melicinkan urusan pentadbiran.
- 4.3 Kemudahan ini bukan merupakan satu hak bagi pegawai. Pihak universiti, atas kepentingan perkhidmatan, boleh menarik balik atau meminda kelulusan kemudahan yang diberikan olehnya pada bila-bila masa.
- 4.4 Pelaksanaan pekeliling ini diterima pakai oleh pihak universiti dengan pindaan seperti berikut:
- 4.4.1 Pasangan suami isteri perlu berkhidmat/berada di bangunan/kawasan yang sama dan berkongsi kenderaan pulang bersama. Tidak terpakai bagi suami yang berkhidmat di kawasan/zon yang berasingan. Pembahagian kawasan/zon adalah seperti di **Lampiran B**;
 - 4.4.2 Permohonan bagi pegawai lelaki yang mana pasangannya tidak berkhidmat di UniMAP, boleh dipertimbangkan tertakluk kepada kepentingan perkhidmatan;
 - 4.4.3 Pegawai wanita yang mengandung 28 minggu dan ke atas dibenarkan menggunakan kemudahan ini;
 - 4.4.4 Pada bulan Ramadhan, kebenaran pulang awal satu jam adalah tidak terpakai. Pegawai adalah tertakluk kepada

pindaan waktu bekerja untuk kakitangan UniMAP seperti yang telah diluluskan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Kali Ke-87 (Bil. 3/2013);

- 4.4.5 Waktu Bekerja Fleksibel bagi Kumpulan Pengurusan Dan Profesional (Akademik) ialah minimum tujuh (7) jam sehari [tidak termasuk satu (1) jam rehat] dengan jumlah terkumpul 35 jam seminggu dan 140 jam sebulan. Waktu bekerja ini hanya terpakai untuk staf akademik yang tidak memegang jawatan Pentadbiran. Walau bagaimanapun, pertimbangan permohonan adalah berdasarkan kelulusan Pendaftar dan kepentingan perkhidmatan;
 - 4.4.6 Pertimbangan permohonan bagi staf UniMAP yang terlibat dalam waktu bekerja secara giliran/syif adalah berdasarkan kelulusan Pendaftar dan kepentingan perkhidmatan;
 - 4.4.7 Pegawai wanita yang mengandung 22 minggu dan ke atas, dan disahkan mempunyai masalah kehamilan boleh dipertimbangkan menggunakan kemudahan ini dengan syarat mendapat pengesahan laporan perubatan daripada Pegawai Perubatan Kerajaan/Swasta berkaitan masalah berkenaan; dan
 - 4.4.8 Mendapat kelulusan bertulis daripada Pendaftar.
- 4.5 Pegawai yang menggunakan kemudahan kebenaran untuk meninggalkan pejabat bagi tempoh empat (4) jam sebagaimana yang diperuntukkan dalam Pekeliling Jabatan Pendaftar Bilangan 5 Tahun 2012 adalah tidak layak menggunakan kemudahan ini. Ini kerana pengiraan tempoh empat (4) jam tersebut adalah termasuk dalam penggunaan kemudahan ini.
 - 4.6 Penerimaan pakai pekeling ini tertakluk kepada budi bicara Ketua Jabatan dan kepentingan perkhidmatan.
 - 4.7 Carta alir proses permohonan Kebenaran Pulang Awal Satu Jam Kepada Pegawai Wanita Mengandung Dan Suami Yang Bekerja Di Lokasi Berdekatan adalah seperti di **Lampiran C dan D**.

5.0 TARIKH KUAT KUASA

Pekeliling ini adalah berkuat kuasa serta merta.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

'Tunjang Mengukuh Di Bumi, Pucuk Menjulang Tinggi'

Saya yang menjalankan amanah,



(HJ. ZUBER HJ. MOHAMAD)

Pendaftar

9 November 2018

JABATAN/PTj : _____

**BORANG KEBENARAN PULANG AWAL SATU JAM KEPADA PEGAWAI WANITA
MENGANDUNG DAN SUAMI YANG BEKERJA DI LOKASI BERDEKATAN**

- Arahan:**
- i. Semua maklumat adalah mandatori dan hendaklah dilengkapkan dengan jelas.
 - ii. Borang permohonan hendaklah diisi secara berasingan oleh pegawai wanita yang mengandung dan pegawai lelaki (suami).
 - iii. Sila sertakan:
 - a) Dokumen perubatan yang membuktikan tempoh kehamilan, tarikh jangkaan bersalin yang disahkan oleh Ketua Jabatan dan laporan perubatan (jika berkaitan).
 - b) Salinan borang kebenaran pulang awal satu jam bagi isteri yang telah diluluskan oleh Ketua Jabatannya (bagi permohonan pegawai lelaki).

BAHAGIAN I : BUTIRAN DIRI PEMOHON

1. Nama Penuh : _____
2. No. Kad Pengenalan : _____
3. Jawatan/Gred : _____
4. Jabatan/Unit : _____
5. No. Telefon Bimbit : _____

BAHAGIAN II : BUTIRAN ISTERI (BAGI PERMOHONAN PEGAWAI LELAKI SAHAJA)

6. Nama Isteri : _____
7. No. Kad Pengenalan : _____
8. Jawatan/Gred : _____
9. Jabatan : _____
10. Alamat Pejabat Isteri : _____
11. No. Telefon Pejabat : _____

BAHAGIAN III : PENGESAHAN ISTERI (BAGI PERMOHONAN PEGAWAI LELAKI SAHAJA)

12. Saya, (nama isteri) dengan ini mengesahkan bahawa suami saya perlu menggunakan kemudahan ini bagi tujuan pulang bersama-sama.

Tandatangan isteri : _____

Tarikh : _____

BAHAGIAN IV : AKUAN PEMOHON

13. Saya mengakui bahawa maklumat yang dinyatakan di **Bahagian I, II dan III di atas serta dokumen yang dikemukakan adalah benar**. Sehubungan itu, saya memohon untuk menggunakan kemudahan balik awal maksimum satu jam mulai _____ (tarikh) yang akan berakhir pada _____ (tarikh) atau pada sehari sebelum tarikh cuti bersalin saya/isteri saya, mengikut mana yang terdahulu.

14. Saya faham bahawa:

- a) jika diperlukan, saya boleh dipanggil untuk bertugas atas kepentingan perkhidmatan; dan
- b) **sekiranya kemudahan ini disalahgunakan, tindakan tatatertib dan pemotongan emolumen bagi tempoh berkaitan akan diambil ke atas saya.**

Tandatangan : _____

Tarikh : _____

BAHAGIAN V : SOKONGAN DAN KELULUSAN

15. SOKONGAN (KETUA JABATAN)

Permohonan kemudahan balik awal satu jam bagi pegawai adalah **DISOKONG/TIDAK DISOKONG*** mulai _____ (tarikh) yang akan berakhir pada _____ (tarikh) atau pada sehari sebelum tarikh cuti bersalin pegawai/isteri pegawai, mengikut mana yang terdahulu.

Tandatangan : _____

Nama dan jawatan : _____

Tarikh : _____

16. KELULUSAN (PENDAFTAR)

Permohonan kemudahan balik awal satu jam bagi pegawai adalah **DILULUSKAN/TIDAK DILULUSKAN*** mulai _____ (tarikh) yang akan berakhir pada _____ (tarikh) atau pada sehari sebelum tarikh cuti bersalin pegawai/isteri pegawai, mengikut mana yang terdahulu.

Tandatangan : _____

Nama dan jawatan : _____

Tarikh : _____

*Potong yang mana tidak berkenaan


Catatan:

Pegawai yang menggunakan kemudahan kebenaran untuk meninggalkan pejabat dalam tempoh empat jam sebagaimana yang diperuntukkan dalam Pekeliling Jabatan Pendaftar Bilangan 5 Tahun 2012 adalah tidak layak menggunakan kemudahan ini.

LAMPIRAN B**PEMBAHAGIAN KAWASAN/ZON UNTUK KELAYAKAN PERTIMBANGAN
KEBENARAN PULANG AWAL SATU JAM KEPADA PEGAWAI WANITA
MENGANDUNG**

BIL.	KAWASAN / ZON
1	Kangar
2.	Kubang Gajah dan Jejawi
3.	Pauh Putra
4.	Sungai Chuchuh
5.	Kulim, Kedah
6.	Kuala Lumpur

CARTA ALIR BAGI PERMOHONAN PELAKSANAAN KEBENARAN PULANG AWAL SATU JAM KEPADA PEGAWAI WANITA MENDUNG DAN SUAMI YANG BEKERJA DI LOKASI BERDEKATAN



CARTA ALIR BAGI PERMOHONAN KEBENARAN PULANG AWAL SATU JAM KEPADA PEGAWAI WANITA MENDUNG DAN SUAMI YANG BEKERJA DI LOKASI BERDEKATAN

(BAGI PERMOHONAN PEGAWAI LELAKI SAHAJA)

